

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASAL
[SIPITANG]
TARIKH : 12.11.2014 (RABU)

DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASAL [SIPITANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan operasi membanteras pengedaran barangan tiruan, dan sehingga kini berapakah nilai rampasan barangan-barangan tiruan di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sememangnya memandang serius aktiviti berkaitan barang tiruan dan sentiasa berusaha untuk membanteras pengedaran dan penjualan barangan tiruan di pasaran mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011).

Pada tahun 2013, Kementerian telah mengambil 788 tindakan kes berkaitan barang tiruan yang melibatkan penyitaan barangan bernilai kira-kira RM8,001,841. Daripada Januari hingga Ogos 2014 pula, sebanyak 1,496 tindakan kes dengan nilai rampasan berjumlah RM11,497,338 telah dihasilkan. Tindakan-tindakan kes yang diambil melibatkan pelbagai kategori jenis barangan tiruan seperti ubatan, makanan, pakaian, kosmetik dan sebagainya.

Pertambahan jumlah kes yang hampir sekali ganda dari tahun lepas membuktikan langkah-langkah pembanterasan yang diambil oleh Kementerian adalah berkesan. Malaysia masih kekal tidak tersenarai dalam *Watch List* buat kali ke tiga berturut-turut yang mana Amerika Syarikat telah memperakui dan menghargai usaha-usaha Kerajaan Malaysia dalam menangani isu barang tiruan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diteruskan ialah seperti berikut:

- i) Menggerakkan Pasukan Petugas Khas Membanteras Barang Tiruan (PPKMBT) bagi melaksanakan penguatkuasaan berasaskan bidang kuasa undang-undang masing-masing melibatkan kerjasama daripada pihak industri;
- ii) Melaksanakan inisiatif yang dipanggil '*Basket of Brands*' (BOB) di mana pemilik atau wakil cap dagang berdaftar diminta untuk

mengemukakan surat persetujuan secara bertulis supaya memberi komitmen dalam proses penyiasatan dan pendakwaan. Oleh kerana kejayaan dan keberkesanan Kementerian menjalankan tindakan penguatkuasaan secara proaktif tanpa menunggu aduan dari mereka, terdapat peningkatan penyertaan terhadap BOB ini dari kalangan pemilik cap dagang. Sehingga kini terdapat 41 pemilik atau wakil cap dagang yang mewakili 299 jenama telah menyertai BOB ini sejak ianya mula diperkenalkan pada tahun 2011; dan

- iii) Mewujudkan "*Key Performance Indicators*" (KPI) bagi mengukur keberkesanan penguatkuasaan penjualan atau pengedaran barangan tiruan di pasaran, Kementerian telah menyenaraikan premis di kawasan-kawasan yang didapati bergiat aktif dengan aktiviti ini. Kawasan ini diletakkan sebagai "*hotspot*". KPI yang disasarkan pada tahun 2013 adalah sebanyak 30%, 2014 sebanyak 60% dan 2015 sebanyak 100% (tidak wujud lagi premis yang menjual dan mengedar barang tiruan di kawasan berkenaan). Sehingga Ogos 2014 pencapaian tindakan penguatkuasaan telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 91.4%.